

KEW.PA-27

No. Sebutharga : PPN.KDH (N) 05/2021

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Jabatan Pertanian Negeri Kedah  
Telok Chengai, Jalan Kuala Kedah,  
06600 Kuala Kedah, Kedah Darul Aman.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:


Bil.	Keterangan Aset	* Nombor Pendaftaran Aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Pajero Mitsubishi No. Chasis L049GT - 01171	KAB 2787	1	RM2,000.00

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja

2. Aset boleh dilihat pada **5 JANUARI 2021** dan/hingga **17 JANUARI 2021** di antara jam **08.30 pagi** hingga **12.30 tengah hari** dan **2.30 petang** hingga **04.30 petang** di **PUSAT KEJURUTERAAN PERTANIAN, TELOK CHENGAI, JALAN KUALA KEDAH, 06600 KUALA KEDAH, KEDAH.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **PPN.KDH (N) 05/2021** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Jabatan Pertanian Negeri Kedah**  
**Telok Chengai, Jalan Kuala Kedah,**  
**06600 Kuala Kedah, Kedah Darul Aman.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **25 JANUARI 2021** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)  
**MOHD AZWAN SHAH BIN AHMAD, PJK.**  
Alamat: Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Operasi)  
Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Tarikh:

Cap:

**SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang pos atau draf bank sahaja atas nama PENGARAH PERTANIAN NEGERI KEDAH
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.